

25/10/2002

JPN mampu proses 20,000 MyKad sehari

PETALING JAYA, Khamis - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yakin mampu memproses sehingga 20,000 MyKad sehari mulai tahun depan sehingga 2005.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azizan Ayob, berkata pihaknya menjangka permohonan MyKad akan meningkat daripada 10,000 kad sehari kini kepada 15,000 permohonan sehari mulai tahun depan, dan 20,000 permohonan sehari pada 2004 hingga 2005.

Katanya, sepanjang tiga tahun itu, pihaknya menjangka akan memproses 15 juta kad pengenalan pelbagai guna kerana setakat ini kira-kira 2.6 juta penduduk sudah memiliki kad itu.

"JPN kini sedang membuat persiapan perlu termasuk meningkatkan perkhidmatannya.

"Langkah ini selaras pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pembentangan Bajet 2003 yang mana kerajaan memutuskan memberi secara percuma permohonan pertama kali MyKad antara 2003 hingga 2005," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat JPN di sini, hari ini.

Menjelang 2005, beliau berkata, antara 17 hingga 18 juta rakyat Malaysia dijangka memiliki MyKad.

Azizan berkata, mulai tahun depan, JPN membuka 29 cawangan baru di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi, termasuk penambahan 78 kaunter MyKad.

JPN juga katanya, akan mengadakan perkhidmatan unit bergerak di kawasan pedalaman dan tempat tertentu yang akan dikenal pasti kelak.

"Selain bas, kita akan mengadakan unit bergerak dengan membawa pasukan yang dilengkapi komputer notebook ke pedalaman dan unit bergerak yang membuka kaunter di pusat membeli-belah yang besar," katanya.